

19 MAY 1997

Mahathir-Tiba

MAHATHIR TIBA DI LONDON UNTUK LAWATAN KERJA

Oleh: Wan A Hulaimi

LONDON, 19 Mei (Bernama) -- Hanya empat jam selepas mendarat di lapangan terbang Heathrow awal hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terus dibawa ke landasan helikopter di selatan bandaraya untuk melawat kilang GEC-Marconi di Caswell, kira-kira 112 km barat dari sini.

Perdana Menteri, dengan diiringi kira-kira 100 usahawan Malaysia, kini dalam rangka lawatan lima hari ke Britain untuk mempromosi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Di Caswell, tempat pertama lawatannya, Dr Mahathir akan melawat kilang teknologi bahan dan mengadakan perbincangan sebelum kembali ke hotelnya pada sebelah tengah hari.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan penting pada persidangan pelabur MSC di Imperial College esok. Dalam ucapan itu, Dr Mahathir akan menerangkan mengenai projek MSC Malaysia dan menjemput penyertaan usahawan dari Britain.

Selepas persidangan dan sesi soal-jawab di Imperial College, Dr Mahathir akan melawat Muzium Sains di kawasan persekitaran kolej itu untuk menerima "Komputer Babbage", mesin eponim Charles Babbage, bapa komputer moden yang memulakan, tetapi tidak menyudahkan, pembinaan komputer mekanikalnya dari 1823.

Dr Mahathir juga akan merupakan pemimpin politik yang pertama dari luar Eropah Barat untuk menemui Perdana Menteri Britain yang baru Tony Blair apabila beliau membuat kunjungan di nombor 10 Downing Street, kediaman rasmi Perdana Menteri, tengah hari esok.

Kemudian, di hotelnya, beliau akan menyaksikan penandatanganan 12 memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat-syarikat Malaysia dan Eropah bagi pembangunan usahasama dalam bidang merangkumi teleperubatan kepada pembangunan "dompnet-pc" (dipanggil "e-pass") yang pertama di dunia, kepada pembangunan perisian.

Pada hari Khamis, beliau akan menaiki helikopter untuk ke Warwick bagi menghadiri satu taklimat oleh Prof Bhattacharyya, mengenai Kumpulan Warwick Manufacturing.

Dr Mahathir akan juga diberikan taklimat oleh naib canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Datuk Dr Ahmad Zaharuddin Idrus mengenai kerjasama antara UTM dan Warwick University sebelum mengadakan pertemuan dengan para pelajar Malaysia dari kampus Warwick/Coventry.

Lawatan itu akan berakhir pada hari Jumaat dengan lawatan ke Commonwealth Partnership Technical Management (CPTM) sebelum Dr Mahathir berlepas dari London untuk lawatan peribadi ke Eropah. -- BERNAMA

WAH AKD